

Aktiviti luar bantu pelajar berdikari

SH 27-06-08 MYS sep

"Saya yakin adanya kerjasama di kalangan pendidik dan setiap anggota masyarakat ini mampu memberanikan diri menghadapi dunia serba moden yang kebanyakan daripada mereka belum pernah merasainya."

■ NURUL FIRDAUS KHAIRI

BANTING - Masyarakat hari ini harus peka aktiviti disertai golongan kurang bernasib baik dengan memberi sokongan dan galakan kepada mereka menikmati kehidupan sebenar.

Golongan itu merupakan insan yang perlu diberi pendedahan kepada kehidupan dunia luar bagi membolehkan mereka menjadi manusia berdikari serta berani.

Penganjur program, Norazizan Ab Ghani berkata,

aktiviti luar itu memberi pendedahan kepada mereka dalam menikmati persekitaran luar bagi menjadikan mereka lebih maju ke hadapan apabila berhadapan dengan khalayak.

"Selain itu, mereka mampu bersaing di luar, tetapi dengan syarat masyarakat dapat memberi sokongan dan prihatin terhadap aktiviti yang dijalankan dalam membentuk nilai positif di kalangan mereka.

"Saya yakin adanya kerjasama di kalangan pendidik dan setiap anggota masyarakat ini mampu memberanikan diri menghadapi dunia serba moden yang kebanyakan daripada mereka belum pernah merasainya," katanya kepada **Sinar Harian** di sini.

Beliau berkata demikian pada Program Tahunan Pusat Sumber Sekolah dalam Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Manggis di Dataran Banting di sini, semalam.



Anak-anak istimewa bersama pendidik Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Sungai Manggis selepas aktiviti senamrobik.

Hadir sama, Penyelaras Program Pendidikan Khas SMK Sungai Manggis, Mohd Yunus Kechut.

Sementara itu, pada program berkenaan peserta turut didedahkan pelbagai aktiviti seperti senamrobik, pertandingan mewarna dan lawatan ke

Perpustakaan Awam Kuala Langat.

Beliau berkata, kunjungan 30 peserta diiringi 17 guru itu memberi peluang kepada anak istimewa mendekati diri dengan kemudahan yang ada di kawasan berkenaan.

Lawatan ke perpustakaan

an Banting itu, katanya, memberi seribu kenangan kepada peserta kerana ada antara mereka tidak pernah menjejakkan kaki ke situ.

"Aktiviti ini akan menjadi perintis kepada anak-anak ini dalam menyesuaikan diri dengan masyarakat luar pada

masa akan datang.

"Masyarakat pula harus menyokong setiap pergerakan positif dengan golongan ini supaya mereka dapat membentuk nilai keperibadian yang tinggi dan aspek berdikari dapat ditanam dalam jiwa mereka," katanya.